

# Sikap matang, sabar perlu hadapi kerenah pembangkang

15 NOV 1999

KUALA LUMPUR 14 Nov. — Pengerusi Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN), Datuk Hishammuddin Tun Hussein menasihati ahli-ahli sayap parti itu supaya bersikap matang dan bersabar dalam menghadapi pelbagai kerenah pihak pembangkang sepanjang tempoh berkempen menjelang pilihan raya ke-10 ini.

Beliau berharap mereka dapat berkempen dengan fikiran yang waras dan matang serta berdisiplin, dan tidak terikut-ikut dengan cara kempen parti-parti pembangkang.

“Sekiranya Pemuda dapat berkempen dengan fikiran yang stabil, dengan cara yang matang, penjelasan yang betul-betul terang dan jelas tidak ada sebab kenapa rakyat tidak dapat menerima hujah-hujah kita. Ini berbeza dengan parti pembangkang,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyampaian amanat Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada pengempur Pemuda dan Wanita BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Menurut Hishammuddin, cara berkempen begitu telah terbukti apabila mahasiswa dapat menerima penjelasan yang diberikan oleh pihak Pemuda.

Katanya, Pemuda telah membina iltizam dan semangat memastikan kejayaan BN dalam pilihan raya sejak setahun yang lalu.

“Kita telah bersiap sedia dan sedang bergerak untuk

memastikan kemenangan BN dan parti-parti komponennya,” katanya.

Hishammuddin juga mengingatkan jentera Pemuda supaya berhati-hati dalam setiap gerak-geri mereka sepanjang berkempen.

Katanya, ini penting bagi memastikan tidak ada sebarang tuduhan liar dilemparkan kepada sayap itu selepas pilihan raya atas sebarang tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita BN, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman berkata, pergerakan itu tidak akan mengenakan tekanan terhadap pucuk pimpinan supaya menetapkan sejumlah kerusi pilihan raya bagi ahlinya.

“Kita percaya Pengerusi BN akan meletakkan calon terbaik tanpa mengetepikan calon Wanita kerana beliau sendiri mengiktiraf peranan pengundi wanita dalam pilihan raya ini,” katanya.

Menurut beliau, tumpuan utama pergerakan itu kini ialah berkempen berhabis-habisan bagi mematahkan serangan pembangkang.

“Penekanan khusus akan diberikan kepada soal pembangkang (Pas) yang tidak menghargai wanita dalam membuat keputusan dan diskriminasi wanita mengikut paras rupa,” katanya.

Beliau yakin wanita merupakan pengundi yang setia dengan BN dan mereka akan terus memilih pakatan ini kerana tidak mahu melihat kacau-bilau dalam negara.